

Wakaf Sebagai Antidot Pemulihan COVID-19

Subhanallah

Dr. Dalila Daud

WAKAF berasal dari bahasa Arab yang bermaksud “berhenti”. Wakaf adalah harta atau aset yang disumbangkan untuk digunakan bagi manfaat masyarakat secara keseluruhan. Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO) menganggarkan 25 juta pekerja akan kehilangan pekerjaan di seluruh dunia akibat wabak COVID-19. Kesan ekonomi terhadap kehidupan individu dan keluarga yang terlibat amat membimbangkan. Ada yang terpaksa berpindah dari kediaman kerana tidak lagi mampu membayar sewa bulanan. Banyak perniagaan tidak dapat menjalankan operasi secara normal, terutama apabila pihak berkuasa melaksanakan penutupan dan SOP yang ketat. Ini juga mengakibatkan pengurangan pendapatan isi rumah apabila penurunan permintaan dalam ekonomi yang tidak menentu menyebabkan pengurangan pendapatan dalam ekonomi.

Kebanyakan perniagaan dan orang awam mengharapkan kerajaan membantu mereka yang mengalami masalah kewangan. Ianya tidak menjadi masalah sekiranya kerajaan mempunyai banyak dana rizab. Walaubagaimanapun hakikatnya di seluruh dunia, termasuk Malaysia, sedang berdepan dengan masalah kewangan yang membimbangkan.

Dalam Islam, modal untuk perniagaan harus diperolehi dari pelabur iaitu melalui perkongsian, baik melalui kaedah *Mudarabah* atau *Musyarakah*, dan bukan melalui hutang. Itulah yang diajarkan oleh Rasulullah s.a.w kepada kita. Sebaliknya, kebanyakan perniagaan meminjam dari institusi kewangan untuk mendapatkan serta mengumpulkan modal perniagaan. Islam mendorong orang ramai untuk menghindari berhutang dan menjalankan perniagaan dengan produktif dan optima. Namun, sehingga kini, disebabkan oleh kadar pembayaran operasi dan riba dari bank yang tinggi mengakibatkan masyarakat bukan sahaja tidak mempunyai simpanan tetapi juga hidup dalam beban hutang yang membimbangkan. Tidak hairanlah rata-rata isi rumah di Malaysia berhutang ratusan ribu ringgit dan jumlah hutang isi rumah melebihi RM1.1 trilion.



Masalah ini terjadi kerana sebahagian besar pendapatan bulanan masyarakat disalurkan kepada institusi-institusi kewangan dan bukan ke institusi berkonsepkan *wakaf*. Hasilnya, jumlah aset institusi wakaf di Malaysia sangat kecil iaitu kurang dari RM10 bilion, berbanding dengan aset Institusi kewangan perbankan yang melebihi dari RM3 trilion dan kini semakin berkembang dengan pesat. Dalam kegawatan ekonomi akibat penularan pandemik, setiap orang akan merasakan kesan tahap hutang yang tinggi. Kebarangkalian penularan Covid-19 akan menyebabkan kadar kemiskinan negara meningkat secara mendadak dan ribuan rakyat Malaysia akan kehilangan pekerjaan, sara hidup, tempat tinggal dan rata-rata menghadapi kehidupan dalam serba kekurangan.



Disini jelas menunjukkan bahawa kita amat memerlukan penyelesaian jangka panjang, iaitu dengan mengubah sistem ekonomi kita supaya pinjaman wang tidak lagi menjadi satu syarat tetapi amalan untuk menolong masyarakat yang memerlukan bantuan serta sokongan. Instrumen yang paling sesuai dalam menangani isu ekonomi sekarang adalah **WAKAF** yang mana ianya bertujuan untuk memberi manfaat kepada masyarakat, iaitu dengan menyalurkan sumber manfaat dari wakaf yang produktif kepada yang masyarakat miskin serta yang lemah.

Adalah rugi jika kita tidak menggunakan wakaf sebagai instrumen dalam menjana ekonomi negara. Sesungguhnya hanya Allah s.w.t sahaja yang tahu apa yang terbaik buat hamba-hamba-Nya. *Subhanallah....*